



KEMENTERIAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN

**PLANMalaysia**

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

---

## SIARAN MEDIA

### PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBAHAGIAAN SEDUNIA 2019

**KUALA LUMPUR, 20 MAC 2019 –** YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan telah menyempurnakan Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan sempena Hari Kebahagiaan Sedunia 2019 di PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) – dan dihadiri seramai 300 orang tetamu.

PLANMalaysia atau Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, sebelum ini adalah agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Bermula pada Oktober 2018 telah dipindahkan ke Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Ini adalah selaras dengan pelan rasionalisasi perkhidmatan awam Kerajaan dan juga untuk melebar luas peranan KWP dalam aspek perancangan bandar dan desa serta kesejahteraan bandar melalui peranan yang dimainkan oleh PLANMalaysia sebagai agensi peneraju pembangunan dan perancangan fizikal di peringkat wilayah dan negara di Malaysia.

Bagi Kementerian Wilayah Persekutuan, enam (6) teras utama telah digariskan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat iaitu **Wilayah Bersih, Keselamatan Awam, Pengangkutan yang Efisien, Sosioekonomi Mampan, Persekutaran Hijau dan Komuniti Inklusif**. Pelbagai program yang memberi manfaat secara langsung kepada pelbagai golongan masyarakat telah dikenalpasti di bawah 6 teras ini selaras dengan slogan Kementerian iaitu '**WILAYAH PEDULI, HARAPAN DIPENUHI**'.

#### **Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia atau *International Day of Happiness***

Hari Kebahagiaan Sedunia atau *International Day of Happiness* telah dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 20hb. Mac 2013 selaras dengan resolusi dokumen 66/281 yang dibentangkan oleh Setiausaha Agung PBB, Ban Ki Moon pada 12 Julai 2012. Sambutan Hari Kebahagian Sedunia yang diadakan ini adalah untuk mengiktiraf hubung kait di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat. Ini adalah selaras dengan matlamat PBB untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan melalui aspirasi *universal* dalam kehidupan manusia di seluruh dunia. Aspek kebahagiaan ini juga selaras dengan Doktrin Perancangan Sejagat yang diperkenalkan PLANMalaysia yang menjadi asas dan falsafah dalam pembangunan dan perancangan negara.

## **Malaysia Negara Kedua Paling Bahagia Di Asia Tenggara**

Merujuk kepada Laporan Kebahagiaan Sedunia 2018 (World Happiness Report 2018 (WHR 2018) Malaysia berada di tangga ke-35 paling bahagia di dunia dengan skor indeks 6.322 daripada 156 negara anggota Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang telah dinilai. Di peringkat Asia Tenggara pula, Malaysia telah disenaraikan sebagai negara kedua paling bahagia selepas Singapura (tangga ke-34, skor indeks 6.343).

Hal ini jelas membuktikan bahawa Malaysia antara negara yang telah mencapai tahap kesejahteraan penduduk yang tinggi di dunia berbanding negara-negara maju yang lain. Dari aspek ekonomi dan pelaburan, pencapaian Malaysia ini secara tidak langsung boleh menggalakkan lebih banyak pelabur luar kerana penduduk yang bahagia adalah lebih produktif. Manakala dari aspek sosial pula, penduduk yang bahagia melahirkan masyarakat yang lebih bertoleransi dan harmoni.

### **Indeks Kebahagiaan di Malaysia**

Pengukuran Indeks Kebahagiaan di Malaysia dijalankan melalui Program Jaringan Penunjuk Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia yang dikenali sebagai MURNInets. MURNInets merupakan alat yang digunakan bagi mengukur kemampuan kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Malaysia di bawah seliaan PLANMalaysia sendiri.

Sejak tahun 2013, indeks kebahagiaan adalah salah satu penunjuk di dalam MURNInets di bawah Dimensi Komuniti Sejahtera yang telah diguna untuk mengenalpasti tahap kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk Malaysia. Pengukuran indeks kebahagiaan ini meliputi 14 aspek utama seperti aspek kehidupan, kesihatan, hubungan kekeluargaan dan jiran tetangga, pengurusan kewangan, aktiviti komuniti, keselamatan, penyediaan kemudahan, perkhidmatan PBT dan wakil rakyat serta kualiti alam sekitar.

Pada tahun 2018, kajian indeks kebahagiaan ini telah merekodkan tahap kebahagiaan Negara secara keseluruhan berada di paras bahagia dengan pencapaian 81.52%. Manakala, di peringkat PBT yang terdiri daripada 101 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan) telah merekodkan sebanyak 72 PBT telah mencapai peratus kebahagiaan 80% dan ke atas, manakala 29 PBT lagi mencatat peratus sederhana bahagia (50% - 79.9%). Antara faktor yang menyumbang kepada kebahagiaan ini adalah berkait rapat dengan tahap dan kualiti perkhidmatan yang diberi oleh PBT seperti penjagaan kebersihan persekitaran, pengurusan sisa pepejal dan kutipan sampah yang berkesan dan teratur.

Kajian yang dijalankan ini menepati konsep *bottom-up* secara langsung dengan komuniti untuk mengenal pasti inspirasi rakyat terhadap kesejahteraan mereka. Pendekatan ini juga selaras dengan prinsip urus tadbir bandar yang efektif di mana rakyat dianggap sebagai rakan pembangunan PBT.

Bagi memastikan 14 aspek kebahagiaan tersebut diambil kira di dalam perancangan pembangunan negara, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui PLANMalaysia sangat komited untuk memastikan aspek kebahagiaan ini diambil kira terutama di dalam perancangan dan pembangunan fizikal negara. Seharusnya ianya dapat diterjemahkan di dalam penggubalan dasar peringkat negara dan penyediaan rancangan pembangunan seperti Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah serta Rancangan Kawasan Khas. Rancangan pembangunan ini adalah merupakan isntrumen perancangan dan rujukan utama terbaik untuk memastikan aspek kebahagiaan diambil kira di dalam pengawalan dan perancangan di Malaysia amnya.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**PLANMalaysia**

**20 Mac 2019**